



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI**

**Kadar pematuhan Akta Kawalan Harga tertinggi  
direkodkan pada bulan April 2019**

---

Tarikh: 22 Mei 2019

1. Usaha pemberigaan dan penguatkuasaan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) yang berterusan telah berhasil meningkatkan kadar pematuhan syarikat terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 secara konsisten.
2. Kadar pematuhan telah mencapai 98.4% pada bulan April 2019, berbanding dengan 96.8% pada bulan Mac dan 96.5% pada bulan Februari.
3. Hanya enam (6) kesalahan dicatat pada bulan April berbanding dua belas (12) kesalahan pada bulan Mac. Kesalahan-kesalahan tersebut melibatkan penjualan minyak masak dan susu tepung anak damit melebihi harga maksima yang ditetapkan oleh JPKE dan tidak mempamerkan tanda harga pada barangan yang dijual. Berikutan itu, sebanyak empat (4) kompaun masing-masing berjumlah \$500, satu (1) kompaun berjumlah \$700 serta tiga belas (13) notis amaran telah dikeluarkan oleh JPKE.
4. Kesemua kesalahan berkenaan didapati di Daerah Brunei Muara, semasa pemeriksaan rutin harian yang dijalankan oleh JPKE. Pemeriksaan ini dilaksanakan di seluruh negara secara berterusan bagi memastikan syarikat-syarikat perniagaan sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya.
5. Hanya 12 kategori barangan keperluan asas yang tersenarai sebagai barangan yang dikawal harga secara berterusan. Barangan tersebut adalah minyak masak, susu tepung anak damit, beras, gula, kenderaan bermotor penumpang, bata tanah liat, *motor gasoline (Premium 97, Regular 85 dan Super 92)*, minyak diesel, gas petroleum cecair berbotol dan kerosin dua tujuan.
6. Semasa musim perayaan, selama 5 minggu bermula 1 Ramadhan hingga 7 Syawal 1440 Hijrah, JPKE juga menetapkan harga maksima ke atas lapan kategori barangan keperluan makanan harian terpilih. Barangan tersebut adalah ayam bulat, telur ayam, mentega, marjerin, minyak sapi, tepung, susu (pekat, cair dan krim) dan santan (pekat, krim dan serbuk). Inisiatif ini bertujuan untuk mengekalkan harga yang

berpatutan bagi barangan makanan terpilih yang sering digunakan bagi penyediaan makanan semasa musim perayaan.

7. JPKE juga ingin menekankan bahawa walaupun harga maksima ditetapkan bagi barangan terpilih yang tersenarai di atas, para peniaga adalah digalakkan untuk menawarkan harga kompetitif yang lebih murah bagi menarik pelanggan. Manakala, harga bagi barangan lain adalah tertakluk kepada kuasa pasaran (*market forces*).
8. Para peniaga juga diperiksa bagi memastikan aktiviti-aktiviti perniagaan dijalankan secara beretika dan wajar dengan mempamerkan tanda harga dan diskaun dengan jelas untuk memberikan maklumat kepada pengguna bagi memudahkan pembelian, iaitu dalam mematuhi peraturan tanda harga dan peraturan mengadakan acara jualan murah.
9. Manakala, para pengguna pula diingatkan mengenai tanggungjawab mereka untuk mengetahui hak mereka sebagai pengguna dengan sentiasa membuat pilihan dengan membuat perbandingan harga, kualiti jenama sebanding (*substitute*) di pasaran serta memahami terma dan syarat jualan bagi mendapatkan nilai terbaik dan dalam membuat pembelian yang bijak.
10. Dalam usaha memperkasa pengguna bermaklumat, JPKE menggalakkan orang ramai untuk menggunakan aplikasi mudah-alih *PenggunaBijak / SmartConsumer*. Antara fungsi aplikasi tersebut termasuklah perbandingan harga yang membolehkan pengguna membuat perbandingan harga ke atas barangan keperluan harian terpilih, senarai syarikat-syarikat perniagaan yang mengadakan aktiviti jualan murah serta senarai harga-harga maksima terkini yang telah ditetapkan ke atas dua belas (12) barangan yang disenaraikan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.
11. Para peniaga juga disyorkan untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya sentiasa dipatuhi. Jika didapati melakukan kesalahan, peniaga berkenaan boleh dikenakan kompaun tidak melebihi \$1,000 setelah notis amaran pertama dikeluarkan. Manakala, kesalahan berulang boleh didakwa dan dikenakan denda maksima sebanyak \$20,000 dan penjara selama 5 tahun oleh mahkamah.
12. JPKE mengalu-alukan sebarang maklum balas orang ramai atau penjelasan berkaitan dengan fungsi kawalan harga dan hal berkaitan perlindungan pengguna dengan menghubungi Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di saluran berikut:
  - Hotline Pengguna: Talian Darussalam 123
  - Aplikasi mudah alih: *PenggunaBijak / SmartConsumer*
  - Emel: [aduanpengguna@jpke.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpke.gov.bn)
  - Laman sesawang: [www.jpke.gov.bn/cad](http://www.jpke.gov.bn/cad)
  - Facebook: AduanPenggunaJPKE
  - Di talian: 2230223 (waktu bekerja)



**PRESS RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT**

**Highest compliance rate recorded for the Price Control Act in April 2019**

---

Date: 22 May 2019

1. The Department of Economic Planning and Development's (JPKE) continuous advocacy and enforcement efforts has resulted in consistent increases in the compliance rate on the Price Control Act by retailers.
2. A 98.4% compliance rate was achieved in April 2019, compared to 96.8% in March and 96.5% in February.
3. Only six (6) offences were recorded in April compared to twelve (12) offences in March. The offences involved selling of cooking oil and powdered infant milk above the maximum prices set by JPKE and offering goods for sale without displaying prices. As a result, four (4) compounds of \$500 each, one (1) compound of \$700 and thirteen (13) warning notices were issued by JPKE.
4. All the offences were found in the Brunei-Muara district during daily routine inspections conducted by JPKE. These inspections are carried out throughout the country continuously, to ensure retailers comply to the Price Control Act, Chapter 142 and its related regulations.
5. Only 12 categories of basic necessities are listed as price-controlled items in the Act on a long-term basis. The items are cooking oil, powdered infant milk, rice, sugar, passenger motor vehicles, clay bricks, motor gasoline (Premium 97, Regular 85 and Super 92), diesel fuel, bottled liquefied gas petroleum and dual-purpose kerosene.
6. During festive season from 1<sup>st</sup> Ramadhan to 7<sup>th</sup> Syawal 1440 Hijrah, JPKE also sets maximum prices on eight categories of selected daily food necessities for 5 weeks. The items involved are whole chicken, chicken eggs, butter, margarine, ghee, flour, milk (condensed, evaporated and cream) and coconut milk (powdered, condensed and cream). This initiative is intended to maintain the affordability of selected high-consumption food items used in food preparation over the festive Ramadhan and Hari Raya season.

7. JPKE wishes to highlight that although maximum prices are set on the above-listed specific goods, retailers are encouraged to offer competitive prices below the ceiling price, to compete and attract customers. Prices of goods other than those in the price-controlled list are subjected to market forces.
8. Retailers are also inspected to ensure ethical and fair trade practices by displaying price tags or discounts clearly, to inform consumers in making purchase decisions, in observing the Price Display and Sales Regulations.
9. Meanwhile, consumers are reminded of their responsibility to know their rights to always make choices through comparing price, quality of available substitutes in the market, understanding the terms and condition of sales, in making value for money and smart purchase decisions.
10. In empowering consumers with more information, JPKE encourages the public to make use of the *PenggunaBijak / SmartConsumer* mobile application. The functions of the app include *price comparison* which enables consumers to compare prices of selected daily necessities, list of retailers participating in sales and discounts activities, as well as updated maximum prices set on the twelve (12) items listed under the Price Control Act, Chapter 142.
11. Businesses are advised to take appropriate measures to ensure that they comply to the Price Control Act, Chapter 142 as well as its related regulations as failure to do so can result in a compound of up to \$1,000 after the first warning notice. Repeated offenders can be prosecuted and face a maximum fine of \$20,000 and imprisonment of up to 5 years by the court.
12. JPKE welcomes feedback, and any clarification related to price control and consumer protection matters can be referred to the Department of Competition and Consumer Affairs at:
  - Consumer Hotline: Talian Darussalam 123
  - Mobile application: *PenggunaBijak / SmartConsumer*
  - Email: [consumercomplaint@jpke.gov.bn](mailto:consumercomplaint@jpke.gov.bn)
  - Website: [www.depd.gov.bn/cad](http://www.depd.gov.bn/cad)
  - Facebook: AduanPenggunaJPKE
  - JPKE telephone line: 2230223 (office hours)

## LAMPIRAN 1

### Barangan yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142

Bil	Barangan yang dikawal harga	Harga maksima	Ditetapkan oleh	
1	Beras	<i>Thai Hom Mali</i>	\$1.25/kg	Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi
		<i>Thai Rice</i>	\$0.85/kg	
		<i>Glutinous Rice</i>	\$0.76/kg	
2	Gula ( <i>white, referred, granulated, cane sugar and fine grain</i> )	\$1.25/kg	Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi	
3	Minyak masak	Tertakluk penetapan mengikut jenama, model dan <i>import batch</i>	Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi	
4	Susu tepung anak damit			
5	Kenderaan bermotor penumpang			
6	Bata tanah liat	\$0.13/biji	Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	
7	<i>Motor Gasoline (Regular 85)</i>	\$0.36/liter		
8	<i>Motor Gasoline (Super 92)</i>	\$0.52/liter		
9	<i>Motor Gasoline (Premium 97)</i>	\$0.53/liter		
10	<i>Minyak Diesel</i>	\$0.31/liter		
11	<i>Bottled Liquefied Gas Petroleum</i>	\$36.00/botol		
12	<i>Dual purpose kerosene</i>	\$0.20/liter		

Harga maksima terkini bagi minyak masak, susu tepung anak damit dan kenderaan bermotor penumpang boleh didapati di aplikasi mudah alih PenggunaBijak / *SmartConsumer* dan laman sesawang JPKE di [www.depd.gov.bn/cad](http://www.depd.gov.bn/cad)

## ANNEX 1

### Price-controlled items under the Price Control Act, Chapter 142

No.	Price controlled items	Maximum price	Set by
1	Rice	Thai Hom Mali	Treasury Department, Ministry of Finance and Economy
		Thai Rice	
		Glutinous Rice	
2	Sugar (white, referred, granulated, cane sugar and fine grain)	\$1.25/kg	
3	Cooking oil	Price set depends on brand, model and import batch	Department of Economic Planning and Development, Ministry of Finance and Economy
4	Powdered infant milk		
5	Passenger motor vehicles		
6	Clay bricks	\$0.13/piece	
7	Motor Gasoline (Regular 85)	\$0.36/litre	Ministry of Energy, Manpower and Industry
8	Motor Gasoline (Super 92)	\$0.52/litre	
9	Motor Gasoline (Premium 97)	\$0.53/litre	
10	Diesel fuel	\$0.31/litre	
11	Bottled Liquefied Gas Petroleum	\$36.00/bottle	
12	Dual purpose kerosene	\$0.20/litre	

Updated maximum prices for cooking oil, powdered infant milk and passenger motor vehicles can be obtained from the mobile application *PenggunaBijak* / SmartConsumer and the JPKE website at [www.depd.gov.bn/cad](http://www.depd.gov.bn/cad)